Risalah Tsulasa'

EDISI 4

16 R.Akhir 1426
24 Mei 2005

Hadith Pilihan

وَعَنْ أَبِيْ ثَابِتٍ، وَقِيْلَ أَبِيْ سَعِيْدٍ،
وَقِيْلَ أَبِى الْوَلِيْدِ سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ
وَهُوَ بَدْرِيٌّ - رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ
قَالَ: مَنْ سَأَلَ اللهَ تَعَالَى الشَّهَادَةَ
بِصِدْقٍ بَلَّغَهُ اللهُ مَنَازِلَ الشُّهَدَاءِ،
وَإِنْ مَاتَ عَلَى فِرَاشِهِ. رواه مسلم.

Dari Abu Tsabit, dalam suatu riwayat lain disebut-kan Abu Said dan dalam riwayat lain pula disebutkan Abulwalid, yaitu Sahl bin Hanif r.a., dan dia pernah menyaksikan peperangan Badar, bahwasanya Nabi s.a.w. bersabda:

"Barangsiapa yang memohonkan kepada Allah Ta'ala supaya dimatikan syahid dan permohonannya itu dengan secara yang sebenar-benarnya, maka Allah akan menyampaikan orang itu ke tingkat orang-orang yang mati syahid, sekalipun ia mati di atas tempat tidurnya." (Riwayat Muslim)

Hadith 57, Bab 4, Bab Kebenaran, Kitab Riyadhus Shalihin

Risalah Tsulasa' adalah Terbitan © **Bahan Tarbiyyah ONline**. Sebarang maklum balas kepada bahantarbiyyah@yahoo.com

Sumber:
- *Hadith Pilihan* – Riyadhus Shalihin, Imam Nawawi
- *Mereka Yang Telah Pergi* – Mereka Yang Telah Pergi, ditulis oleh Al-Mustasyar Abdullah Al-Aqil, terbitan Al-I'tishom Cahaya Umat
- *Hadith Tsulasa*' – Hadith Tsulasa', ditulis oleh Ahmad Isa 'Asyur, terbitan EraIntermedia

Mereka Yang Telah Pergi

MUHAMMAD ABDUL HAMID AHMAD

(Bapa seluruhMahasiswa, 1329-1412 H.I1911-1992 M.




Kelahiran dan Masa Kecil Muhammad Abdul Hamid Ahmad

Muhammad Abdul Hamid Ahmad dilahirkan di Buhairoh, Syibrahit, pada 23 September 1911. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang kuat berpegang kepada ajaran agama. Ayah dan datuknya termasuk di dalam keluarga besar Al-Azhar. Ayahnya mendapat diploma tinggi *(Highest Diploma awarded by Al-Azhar University)* dan bekerja sebagai peguam rasmi.

Muhammad Abdul Hamid Ahmad memulakan pengajiannya dan menghafaz Al-Qur'an dengan beberapa guru di kampungnya, kemudian beliau pindah ke Kairo bersama ayahnya untuk melanjutkan pelajaran di sekolah yayasan Islamiyah dan mendapat ijazah *ibtida'iyah* (sekolah rendah). Beliau meneruskan pengajian di Sekolah Ibrahimiyah dan mendapat ijazah Sekolah Menengah (SMU) dalam jurusan sastera, kemudian memasuki Fakulti Adab di Universiti Mesir, dalam jurusan bahasa Arab. Beliau menamatkan pengajian pada tahun 1938. Beliau dilantik menjadi staf pengajar Madrasah Ikhwanul Muslimin dan menjawat jawatan sebagai setiausaha redaksi majalah *An-Nadzir* yang diarahkan oleh Ustadz Shalih Asymawi.

Interaksi Muhammad Abdul Hamid Ahmad dengan Ikhwan

Muhammad Abdul Hamid Ahmad mula mengenali Ikhwanul Muslimin sejak menjadi mahasiswa pada tahun 1933 atas bimbingan Syaikh Thanthawi Jauhari. Ketika beliau dan rakan-rakannya sedang merencanakan pendirian organisasi keislaman, Syaikh Thanthawi menganjurkan mereka bergabung dengan Ikhwanul Muslimin. Menurut Syaikh Thanthawi, jamaah ini memandang Islam sebagai agama, negara, ibadah, dan kepimpinan. Jamaah tersebut sangat serius dalam mentarbiyah anggotanya. Tarbiyah yang diterapkan bukan hanya sekadar teori, tetapi amat beraplikasi, dalam bentuk *rib/ah,* pengumpulan, *dakwah fardiyab,* dan dakwah kolektif melalui masjid dan perkumpulan. Syaikh Thanthawi juga memuji pendirian Jamaah Ikhwanul Muslimin, Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna. Bahkan, Syaikh Al-Azhar, Mushthafa Al-Maraghi, memberikan cadangan kepada Al-Banna untuk menerajui majalah *Al-Manar* setelah pemegang asalnya, Syaikh Muhammad Rasyid Ridha, meninggal dunia. Tiada pilihan bagi Ustadz Muhammad Abdul Hamid dan enam rakannya, kecuali mengikuti nasihat Syaikh Thanthawi Jauhari. Mulailah mereka bergabung dengan Ikhwanul Muslimin.



Mereka bertemu dengan Imam Al-Banna di dalam kediaman Syaikh Thanthawi Jauhari. Inilah pertemuan pertama mereka dengan Ikhwan. Selanjutnya, Ustadz Muhammad Abdul Hamid dipilih menjadi penyelia mahasiswa.



Muhammad Abdul Hamid Ahmad yang Saya Kenal

Saya mengenali Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad melalui tulisannya di dalam majalah mingguan Ikhwanul Muslimin, pada akhir tahun 1940-an. Saya bertemu dengannya di Mesir, ketika mereka sedang melakukan aktiviti-aktiviti di kalangan mahasiswa. Beliau mempunyai pengalaman yang banyak di dalam dakwah kampus. Beliau juga merupakan salah seorang mahasiswa pertama yang bergabung dengan pergerakan Islam, iaitu ketika kuliah Fakulti Adab Universiti Kairo. Kerana itu beliau digelar sebagai *Abul Jami'iyin* (Bapa kepada semua Mahasiswa) Ikhwanul Muslimin.



Aktiviti-aktiviti Muhammad Abdul Hamid Ahmad

Setelah tamat pengajian dalam pengajian tinggi, Muhammad Abdul Hamid Ahmad aktif di dalam dunia pendidikan Mesir, Iraq, dan Jordan. Pada tahun 1941, beliau menjadi guru siswazah di dalam sekolah-sekolah peringkat menengah Iraq. Setelah Dr. Husain Kamaluddin menjadi tutor di Fakulti Teknik Baghdad, dan kedua-duanya bekerjasama untuk menyebarkan dakwah Islam di Iraq. Merekalah yang mencungkil bakal Ikhwan di Iraq. Tambahan lagi, dakwah mereka di Iraq diperkuatkan oleh Ustadz Shawwaf yang lulus dari Al-Azhar.

Pada tahun 1946, Ustadz Muhammad Abdul Hamid meninggalkan Iraq dan menuju ke Mesir, untuk menerima amanah sebagai guru, penceramah, dan penulis di dalam surat khabar harian *Al-Ikhwan Al-Muslimun*, yang diterbitkan pada tahun itu juga. Pada tahun 1948/1949, beliau mengajar Kuliah Ilmiah di Universiti Islamiyah Jordan, atas permintaan *Muraqib 'Am* Jordan, H. Abdullathif Abu Qaurah.

Tanggal 8 Disember 1948, Muhammad Abdul Hamid Ahmad pulang ke Mesir. Ketika itu, Jamaah Ikhwanul Muslimin Mesir dibubarkan, seluruh anggotanya ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara.

Pada tahun 1954, 1960, dan 1965 Muhammad Abdul Hamid Ahmad dimasukkan ke dalam penjara. Setelah keluar dari penjara, beliau menunaikan haji dan menetap di Arab Saudi, menjadi penasihat di dalam Pengarah Pendidikan Wanita Makkah Al-Mukarramah. Pada dua tahun berikutnya, beliau diberi tanggungjawab memegang jawatan di dalam Kementerian Pendidikan dan dilantik sebagai

pengarah serta pengajar *Manarah* Jeddah. Dua tahun berikutnya, beliau dinaikkan pangkat di Kementerian Urusan Haji serta menjadi siding redaksi majalah *At-Tadlamun Al-Islami*, yang diterbitkan oleh kementerian tersebut.

Muhammad Abdul Hamid Ahmad menjadi tutor di dalam jurusan dakwah Universiti King Abdul Aziz. Dekan Fakulti Syariahnya ketika itu ialah Syaikh Muhammad Al-Ghazali.

Muhammad Abdul Hamid Ahmad pernah berkunjung ke negara-negara Syam dan Teluk. Pekerjaan terakhirnya ialah menjadi tutor di Universiti Ummul Qura, Makkah Al-Mukarramah selama sembilan tahun, iaitu sehingga tahun 1985.



Jasa-jasa Muhammad Abdul Hamid Ahmad

Muhammad Abdul Hamid Ahmad mencungkil bakat-bakat generasi muda di Iraq, Mesir, Jordan, dan Arab Saudi. Murid-muridnya merupakan perintis *shahwab* (kebangkitan) Islam di negara-negara tersebut dan menjadi tumpuan harapan kebangkitan serta kembalinya Islam sebagai sistem hidup alam.

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad merupakan salah seorang tokoh Islam kontemporari dan dai yang menghabiskan umur untuk menyebarkan risalah dakwah. Hidupnya hanya mengumpulkan aktiviti, dinamisme, dan gerakan yang tidak pernah surut, meskipun usianya sudah senja dan berbagai-bagai penyakit menyerangnya.

Cita-citanya ialah menyampaikan dakwah kepada manusia, terutamanya para pemuda dan kaum intelektual.

Usaha Muhammad Abdul Hamid Ahmad membuahkan hasil yang cemerlang, berupa generasi muda yang menyebarkan amanah dakwah. Mereka meyakini Islam sebagai aqidah, ibadah, sistem, undang-undang, politik, hukum, dan perundangan. Mereka menerapkan pema-haman *syamil* di dalam kehidupan, menyeru manusia untuk menerapkannya, bersabar atas berbagai-bagai ujian, menentang penguasa –penguasa zalim, dan membebaskan diri mereka daripada fitnah dunia.

Allah *Ta'ala* berfirman,

"Maka di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka sedikit pun tidak merubah (janjinya). "(Al-Ahzab: 23)

Kajian, ceramah, seminar, dan dialog-dialog Muhammad Abdul Hamid Ahmad memberikan kepuasan intelektual dan ruhani kepada kami, semasa kuliah beliau di Mesir antara tahun 1950 sehingga 1954.

Kami amat rajin menghadiri kajian Muhammad Abdul Hamid Ahmad, kerana itu merupakan bekalan bagi pemuda seperti kami. Lebih-lebih lagi ketika pemikiran dan aliran asing menyerbu dunia Islam ketika Perang Dunia II, melalui kaum Barat dan pendukung Imperialisme yang melepaskan agama mereka, lalu mengikuti apa saja yang datang dari penjajah tanpa memikirkan benar mahupun salah, bermanfaat ataupun berbahaya. Mereka merupakan orang-orang yang tidak mempunyai pendirian, mengalir bersama arus, dan mengikut hawa nafsu, meskipun akan membawa mereka kepada kehancuran.

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad merupakan salah seorang murid Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna yang cerdas pemikiran, ruhani, dan manhaj dakwah.

Muhammad Abdul Hamid Ahmad banyak dipengaruhi oleh pendidikan Imam Al-Banna yang *syamil*, lengkap, memerhatikan kaum muslimin di semua tempat, menanam aqidah yang benar di jiwa kaum muslimin, dan menawarkan Islam sebagai alternatif pengganti undang-undang produk manusia. Pergerakan Imam Al-Banna menurutnya merupakan gerakan perbaikan yang lurus, sebagaimana gerakan-gerakan lain yang menyertai atau mendahuluinya. Seperti gerakan *Salafi* yang didirikan Imam Muhammad bin Abdul Wahhab, gerakan *Sanusia* di Libya, *Jamiyatu Ulama'ilMuslimin* di Aljazair, dan lainnya.

Aktivis dakwah yang benar ialah aktivis yang bergerak bersama ajaran Islam yang berasal dari Al-Qur'an dan As-Sunah. Tidak tunduk pada pujukan syaitan dan syahwat, tetapi istiqomah meniti jalan lurus yang membawa kepada keredhaan Allah *Ta'ala*.

Ustadz Muhammad Hamid Abun Nashr, Mursyid 'Am Keempat Ikhwanul Muslimin berkata, "Orang beriman kepada Allah *Ta'ala* sangat banyak. Tetapi, hanya sedikit dari mereka yang memenuhi janjinya kepada Allah *Ta'ala*. Di antara mereka ada yang

menemui Allah dan sebahagian lain hanya menunggu. Mereka tidak mengubah keyakinannya sedikit pun. Al-Akh yang mulia dan pelopor murabbi, Muhammad Abdul Hamid Ahmad, salah seorang yang memenuhi janjinya kepada Allah *Ta'ala*. Inilah sangkaanku dan saya tidak menganggap seorang pun bersih dari dosa.

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad merupakan salah seorang tokoh Ikhwanul Muslimin generasi awal. Dialah orang pertama yang menyebarkan fikrah Ikhwan di kalangan mahasiswa Universiti Mesir dan menghimpun mereka di bawah panji-panji tauhid. Kemudian para mahasiswa binaannya meneruskan dakwah dengan semangat, faham, dan istiqomah kepada ajaran Allah *Ta'ala*, sehingga dakwah tersebar di seluruh tempat belajar.

Ustadz Muhammad Abdul Hamid yang istiqomah membawa risalah dakwah ini mengorbankan segala yang dimiliki. Dengan kekuatan masa mudanya, beliau mampu menyampaikan dakwah ke seluruh lapisan masyarakat tanpa ragu-ragu. Bahkan, tentangan yang menghadang jalannya, berkat kurnia Allah *Ta'ala*, mampu beliau atasi.

Ketika pemikiran yang memusuhi Islam tersebar dan mulai wujud, kerana mendapat sumbangan ekonomi daripada dunia antarabangsa, Muhammad Abdul Hamid Ahmad menghimpun barisan kaum muslimin, meninggikan kalimah Allah *Ta'ala*, bersabar dan meningkatkan kesabaran, serta bekerja tanpa mengenal penat lelah sehingga beliau bertemu Allah *Ta`ala*. Beliau tidak pernah mengubah sikap dan keyakinannya, sehingga mampu mewariskan keyakinannya kepada generasi muda dambaan umat. Akhirnya, generasi muda binaannya inilah yang berperanan menyambung risalah kepada generasi berikutnya.

Al-Akh Muhammad Abdul Hamid merupakan generasi awal yang menyebarkan dakwah Ikhwanul Muslimin di Iraq. Ketika menjadi guru madrasah di Iraq, beliau mula menabur benih dakwah, hingga tumbuh dan berkembang."



Manhaj dan Sikap Muhammad Abdul Hamid Ahmad

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad menceritakan aktiviti-aktivitinya bersama saudara-saudaranya di perguruan tinggi, "Kami memerhatikan mahasiswa yang kelihatan shalih, lalu mengajaknya menghadiri kajian Islam di rumah Ustadz Imam Hasan Al-Banna.

Untuk mengenali mahasiswa, kami mendirikan mushalla(Surau) di setiap fakulti. Sehingga mahasiswa muslim dapat melaksanakan shalat Zhuhur dan Ashar di mushalla. Kesempatan itu kami manfaatkan untuk mengajak mereka masuk kepada Ikhwan. *Alhamdulillab*, sebahagian besar mereka menyambut ajakan kami. Ketika itu, saya ditemani sahabatku Abdul Muhsin Al-Husaini, Abdul Hakim Abidin, Ibrahim Al-Uzaini, Muhammad Mahmud As-Sayyid Ghali, Abdul Muhsin Syarbi, Mahmud Abdul Halim, dan Iain-lain.

Ketika anggota Ikhwan dari kalangan mahasiswa bertambah banyak, persidangan kami berpindah ke pusat Ikhwanul Muslimin di Maidan Al-Khadlra'. Di dalam pertemuan ini kami mendengar ceramah Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna.

Kami berhasil memilih ruang di fakulti untuk dijadikan mushalla dan markas dakwah. Ruang itu biasanya digunakan oleh tutor-tutor jurusan bahasa Inggeris untuk menyimpan nota-nota mereka. Kami meminta izin untuk menggunakan ruangan itu kepada dekan fakulti, Dr. Manshur Fahmi. Jelas sekali, beliau memberikan izin. Lalu, fakulti yang didominasi tutor-tutor dari Inggeris itu, hanya ada satu yang berasal dari Mesir, dikejutkan oleh suara adzan Zhuhur yang dikumandangkan oleh beliau.

Di dalam sebuah ceramah di depan mahasiswa Ikhwanul Muslimin Mesir pada tahun 1931, Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna berkata, "Di dalam

muqaddimah sambutan ini, saya tidak lupa mengenang masa-masa yang penuh berkat. Empat tahun yang lalu, saya duduk bersama enam orang saudara kalian untuk mengkaji kewajiban mahasiswa terhadap Islam. Pada akhir tahun kedua, pertemuan ku dihadiri empat puluh mahasiswa. Akhir tahun ketiga, jumlah mereka mencapai tiga ratus orang. Dan, tahun keempat ini, jumlah kalian semakin bertambah.' *Tanah yang baik akan menumbuhkan tanaman dengan seizin Tuhannya."*

Ustadz Ahmad Abu Syadi di dalam bukunya *Riblati Ma'al jamaatish Shamidah* berkata, "Allah *Ta'ala* menghendakiku berdekatan dengan Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad di dalam ujian pada tahun 1965. Kedekatan itu memberikan pelajaran yang sangat berharga kepadaku. Kerana, daripadanya saya memperoleh teladan yang jauh lebih baik daripada apa yang saya pelajari di dalam kajian sebelum ini.

Beliau bagaikan lautan ilmu yang tidak bertepi. Beliau sering berbicara tentang dakwah yang beliau ceburi semenjak remaja dan sastera Muhammad Iqbal yang banyak beliau hafaz dan ungkap dengan penuh semangat, sehingga kami ikut terbawa-bawa.

Beliau juga mengkaji hikmah-hikmah daripada Ibnu Atha'ullah As-Sakandari bersama kami. Bahkan beliau seringkali melantunkan hikmah-hikmah yang meneguhkan hati orang-orang tertindas, ketika bahaya mengancam, ujian menerjang, dan semua orang putus asa daripada kemenangan dan kemerdekaan.

Di antara hikmah yang kami hafaz daripadanya ialah, 'Terlambatnya kurnia Allah *Ta'ala* yang diminta secara terus-menerus tidak boleh membuatmu berputus asa. Kerana, Allah *Ta'ala* menjamin memberimu dengan pilihan-Nya, bukan berdasarkan pilihanmu, dan pada waktu yang Dia kehendaki, bukan pada waktu yang kamu kehendaki. Dia Dzat yang sangat berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya. Apabila Allah *Ta'ala* bersamamu, maka apa yang akan membahayakanmu? Apabila Allah *Ta'ala* memusuhimu, maka siapa yang akan menolongmu?"

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad telah mewariskan karya ilmiah, antara lain:

1. *Kalimatun wa Araa.*
2. *FiWajhith Thufan.*
3. *Al-'Aqidah wa Hayati Rajulil 'Aqidah.*
4. *Dzikrayati.*
5. *Al-Ihtimam wa Dawafi'il Qira'ah* (penelitian).
6. *Al-Manzhurul Ijtima' I ft Dirasati Wasa-ililI'lam* (penelitian).

Ditambah beberapa risalah dan makalah yang dimuatkan oleh majalah *An-Nadzir, Al-Ikhwan Al-Muslimun, Ad-Da`wah, Al-Mababits Al-Qadha'iyab,* dan lainnya.

Ustadz Muhammad Abdul Hamid pernah memberi komen tentang gurunya, Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna, "Kenangan bersama Asy-Syahid Imam Hasan Al-Banna *rahimahullab* adalah kenangan yang sangat manis. Beliau adalah salah satu tanda kebesaran Allah *Ta'ala.* Nama *Hasan Al-Banna* sangat tepat dengan orang yang menyandangnya. Beliau telah membangunkan dengan baik dan mentarbiyah dengan bijaksana. Karismanya merupakan karisma orang-orang bijak, ruhnya ruh para waii`, firasatnya merupakan firasat orang-orang pilihan, kalimat-kalimatnya mengandungi banyak inspirasi, dan nasihat-nasihatnya umpama cahaya dan ubat. Dengan mengenalinya, saya mengenal sifat kejantanan dalam diri lelaki, kepimpinan dalam pemimpin, dan Islam pada orang muslim. Saya berbaiat kepadanya untuk memperjuangkan Islam dan menyeru manusia pada Allah *Ta'ala*,.

Rasul-Nya, Al-Qur'an, dan Sunnah Nabi-Nya; baik ketika di Mesir, Iraq, Jordan, dan Arab Saudi. Segala puji bagi Allah *Ta'ala* yang memberiku taufiq untuk mengikuti dakwah yang lebih baik dari dunia dan seisinya ini. Saya mohon kepada Allah *Ta'ala* agar dilindungi daripada fitnah dan diteguhkan, agar tetap di jalan dakwah, hingga bertemu dengan-Nya dalam keadaan redha dan diredhai."

Ustadz Muhammad Abdul Hamid Ahmad tidak meninggalkan Makkah setelah masa persaraannya, sehingga menemui ajal yang telah ditentukan. Beliau pulang ke *rahmatullah* pada 4 Mei 1992, setelah menderita sakit barah selama satu bulan. Beliau dishalatkan di Masjidil Haram dan dikebumikan di pekuburan Al-Mu'allah Makkah Al-Mukarramah. Semoga Allah *Ta'ala* merahmatinya dengan rahmat yang luas dan menempatkannya di syurga yang luas, sebagai balasan atas jasa-jasanya terhadap umat Islam.




Hadith Tsulasa'

WANITA DALAM AL QURAN



Kita memuji Allah swt. Kita ucapkan selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad, segenap keluarga dan sahabatnya, serta siapa saja yang menyerukan dakwahnya hingga hari kiamat.

Ikhwan tercinta, saya sampaikan salam penghormatan Islam, salam penghormatan dari Allah, yang baik dan diberkati: *assalamu 'alaikum wa rahmatullah wa barakatuh.*

Ikhwan tercinta, tema kajian kita pada malam ini adalah "Wanita dalam Al-Qur'anul Karim."

Kita telah mulai siri kajian kita tentang kandungan Al-Qur'anul Karim. Kajian siri ini telah lama dijalankan. Hal ini memang wajar kerana kandungan kitab Allah ini secara keseluruhan adalah kebaikan semata. Orang yang membaca kitab Allah swt. pasti merasa seakan-akan berada dalam kebun-kebun yang penuh dengan buah-buahan yang dapat dipetiknya. Mengenai hal ini, Ikhwan sekalian, saya teringat ucapan Sayidina Abdullah bin Mas'ud, "Jika kamu membaca Al-Qur'an *'Alif Lam, Haa Miim'*, seakan-akan kamu berada di kebun-kebun yang dipenuhi berbagai-bagai buah-buahan."

Kitab Allah swt. dengan gayanya yang khas dan indah, memiliki komposisi unik yang tidak mungkin dapat ditemui kecuali pada-nya. Logik yang cermat dalam bentuk ungkapan yang paling indah digunakan untuk membahas tema-tema, walaupun tema yang paling remeh. Seakan-akan seseorang berada di salah satu koleksi logik yang paling kuat.

Ikhwan, sesungguhnya barangsiapa membaca sejarah bangsa-bangsa, nescaya mereka akan menemui bahawa manusia itu mempunyai pandangan yang berbeza-beza terhadap wanita. Perbezaan itu sampai pada kategori mengundang kehairanan. la akan menemui bahawa sebahagian dari mereka, misalnya, ada yang menganggap bahawa wanita adalah budak/hamba. Ada yang menganggapnya sebagai sampah, dan ada pula sebahagian kelompok yang tidak memandang wanita selain sebagai hiburan dan permainan. Hal itu masih berlaku, bahkan dalam pandangan bangsa-bangsa moden yang mengisytiharkan bahawa kebanggaan terbesarnya adalah penghormatan terhadap martabat wanita, kebangkitan kaum wanita, dan penyempurnaan hak-hak kaum wanita. Di kalangan bangsa-bangsa ini sendiri, wanita dan kedu-dukan wanita tidak mencapai tingkat yang menjadikannya dapat memperoleh hak atau mendapat posisinya yang sebenar.

Anda mungkin hairan, Saudara-saudara, bahawa masyarakat Arab memiliki pandangan dan penilaian yang bercampur aduk tentang wanita. Pernah terjadi, di mana masih terdapat beberapa kabilah Arab, mereka menganggap wanita sebagai manusia yang mempunyai hak sebagaimana manusia kini, sehingga mereka kadang-kadang mengambil pendapatnya dan kadang-kadang memberinya kebebasan memilih.

Ada beberapa contoh mengenai hal itu, Syamas bin La'iy, seorang pemuka salah satu kabilah Arab, pernah dicela dengan keras oleh seorang penyair. Ketika penyair tersebut berjaya ditangkap-nya, 1a ingin membunuhnya. la menemui ibunya dengan muka ber-seri-seri. Ibunya berkata, "Aku melihat di wajahmu tergambar tanda-tanda kegembiraan." la menjawab, "Benar Ibu. Saya telah berjaya menangkap penyair yang telah mencelaku." "Apa yang akan kau lakukan?" tanyanya. la menjawab, "Tentu saja, saya akan membunuhnya." Ibunya berkata, "Di manakah kearifan dan kepintaranmu, wahai putra La'iy? Seorang penyair berkata tentang dirimu, sedang-kan perkataannya tersebar di tengah-tengah masyarakat, lantas sia-pakah yang kau anggap dapat menghapuskan celaannya ini?" "Jika tidak demikian, lalu apa yang harus saya lakukan?" tanyanya. Ibunya menasihati, "Perlakukan dia dengan penuh hormat, wahai Syamas. Perlakukanlah dia dengan baik, lantas biarkanlah dia sendiri yang menghapus celaan yang pernah




dilontarkan kepadamu. Jika tidak demikian, maka tidak akan ada orang yang dapat menghapuskan celaannya yang telah melekat padamu selama-lamanya."

Syamas bin La'iy benar-benar melaksanakan pesan ibunya dan mengikuti sarannya. Padahal ia hanyalah seorang wanita.

Ikhwanku, saya katakan, di saat wanita pada sebahagian kabilah diperlakukan demikian, beberapa kabilah yang lain justeru mempunyai kebiasaan mengubur anak perempuan hidup-hidup dan mengurung wanita di rumah dengan peraturan yang ketat dan keras. Susunan bangsa Arab dalam memandang wanita dan kedudukannya mempunyai beberapa keragaman.

Kerana itu, sungguh mengagumkan, ternyata Al-Qur'an mendatangkan pandangan yang merupakan puncak ketinggian dan peng-hargaan terhadap status sosial wanita. Pandangan tersebut meletak-kan masalah secara profesional dan membahasnya dengan berani dan kukuh.

"Wanita dan lelaki bermula dari asal yang sama dan dari bahan asas yang sama. "Sebahagian dari kalian merupakan bahagian dari yang lain." Prinsip dalam masalah ini adalah persamaan."

PRINSIP-PRINSIP TEORI

Ikhwan sekalian, masalah ini adalah masalah kemanusiaan yang paling penting, dibahas oleh Al-Qur'anul Karim dengan pembahasan yang penuh keyakinan, kejelasan, keberanian, dan kebenaran.

Allah swt. berfirman, "Hai manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kalian yang telah menciptakan kalian dan satu jiwa, dan dari pada-nya Allah menciptakan isterinya, dan dari keduanya Allah memperkembangbiakkan laki-laki dan wanita dengan banyak. Maka bertaqwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kalian saling meminta satu sama lain dan (peliharalah) hubungan silaturahim. Sesungguh-nya Allah selalu menjaga dan mengawasi kalian." *(An-Nisa':1)*

Ayat yang mulia ini, Saudara-saudara, mengisahkan kepada kita dengan jelas sekali bahawa asal-usul seluruh manusia adalah satu. Seluruh manusia berasal dari satu orang. Kemudian dari satu orang ini, Allah menciptakan isterinya. Laki-laki dan wanita mempunyai asal-usul dari satu orang. Dari sini, wahai Akhi, Anda menemui bahawa Islam telah meletakkan permasalahan ini di atas satu prinsip. Wanita dan laki-laki bermula dari asal yang sama dan dari bahan asas yang sama. "Sebahagian dari kalian merupakan bahagian dari yang lain." Pnnsip dalam masalah ini adalah persamaan.

Dalam surah Asy-Syura, Allah SWT. berfirman, "Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak laki-laki kepada siapa yang Dia kehendaki. Atau Dia menganugerahkan kedua-dua jenis laki-laki dan perempuan (kepada siapa yang dikehendaki-Nya), dan Dia menjadikan mandul siapa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa." *(Asy-Syura: 49-50)*

Jadi, wahai Akhi, Anda menemui bahawa Allah swt. mendahu-lukan penyebutan anak-anak perempuan dalam firman-Nya, dan menyebutnya sebagai anugerah yang diberikan kepada siapa yang Allah kehendaki di antara hamba-hamba-Nya. Allah juga menyebut anak-anak laki-laki sebagai anugerah yang diberikan kepada siapa yang Allah kehendaki di antara hamba-hambaNya. Sama saja, tidak kira anak yang dimiliki seseorang itu perempuan semuanya atau laki-laki semuanya, atau perempuan dan laki-laki, maka itu merupakan kurnia dan anugerah Allah. Jika kita memperhatikan urutan penyebutan antara perempuan dan laki-laki, Anda mendapati bahawa ayat tersebut permulaannya dengan menyebut perempuan. Hal ini untuk menghilangkan syubhat yang menganggap kekurangan pada perempuan.

Dalam ayat ketiga, Allah swt. berfirman, "Sebahagian dari kamu merupakan bahagian dari yang lain." Persamaan tidak berhenti pada kandungan secara umum ini, tetapi lebih dari itu juga termasuk dalam persoalan hukum. Wahai Akhi, Anda menemui ayat yang mulia mengatakan, "(Pahala dari Allah) itu bukanlah menurut angan-anganmu yang kosong dan tidak (pula) menurut angan-angan Ahli Kitab. Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, nescaya akan diberi





pembalasan dengan kejahatan itu dan ia tidak mendapat pelindung dan tidak (pula) penolong baginya selain dari Allah. Barangsiapa mengerjakan amal-amal soleh, baik laki-laki mahupun wanita sedang ia orang yang beriman, maka mereka itu masuk ke dalam surga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun." *(An-Nisa': 123-124)*

Di sini Anda menemui bahawa Allah Yang Maha Benar swt. telah menegaskan bahawa asal-usul lelaki dan wanita adalah satu sumber, dan nilai umum dalam penghitungan dan pembebanan adalah satu sumber yang lain pula. Di tempat lain, wahai Akhi, Anda mendengar firman Allah swt., "Di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah Dia menciptakan untuk kalian isteri-isteri dari jenis kalian sendiri, agar kalian cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kalian rasa cinta dan kasih sayang." *(Ar-Rum: 21)*

Jika kita perhatikan ayat ini, wahai Akhi, nescaya kita mendapati bahawa kecenderungan dan perasaan tenteram antara lelaki dan wanita ditegaskan di sini. Di tempat lain Allah swt. berfirman, "Dialah yang menciptakan kalian dari satu jiwa, dan dari jiwa itu Dia menjadikan isterinya agar ia merasa tenteram kepadanya." *(Al-A'raf: 189)*



Bersama Mustafa Sibai



Ketenteraman, ketenangan, dan perlindungan. Itulah kata-kata yang paling tepat untuk menggambarkan hubungan antara lelaki dan wanita. Seorang wanita, wahai Akhi, berlindung kepada suaminya untuk memperoleh kekuatan dan kehidupan, sedangkan lelaki berlindung kepada isterinya untuk memperoleh kecintaan dan kehidupan. Al-Qur'anul Karim menegaskan hal ini dengan ungkapan yang paling tinggi nilainya, dan menegaskan bahawa hal ini adalah salah satu tanda kekuasaan Allah serta salah satu nikrnat dan kurnia-Nya. "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah Dia menciptakan untuk kalian isteri-isteri dari jenis kalian sendiri, agar kalian merasa cenderung dan tenteram kepadanya. Dan dijadikan-Nya di antara kalian rasa cinta dan kasih sayang." *(Ar-Ruum: 21)*

Dengan prinsip-prinsip teori ini, kita mendapati bahawa Al-Qur'anul Karim telah menghapus mitos-mitos pelbagai bangsa terdahulu yang menyatakan bahawa bahan asas wanita dari tanah yang berbeza dari bahan asas lelaki dan bahawa wanita bukan dari jenis laki-laki. Islam telah menghapuskan dan menghancurkan mitos-mitos ini dengan setuntas-tuntasnya.

PRAKTIK NYATA

Adapun dari segi praktiknya secara nyata, wahai Akhi, lelaki adalah manusia dan wanita adalah manusia juga. lelaki mempunyai tugas dan wanita juga mempunyai tugas. Kita mendapatkan bahawa Allah swt. telah menegaskan tentang keadaan struktur keluarga. "Mereka (kaum wanita) mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang ma'ruf. Tetapi para suami mempunyai satu darjat kelebihan daripada mereka." *(Al-Baqarah: 228)*

Al-Qur'an menegaskan bahawa keluarga adalah urusan mereka berdua dan terdiri dari keduanya. Hanya kepemimpinannya sahaja berada di tangan suami. "Kaum laki-laki adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka." *(An-Nisa': 34)*

Hal itu, wahai Akhi, lantaran harus ada amanah yang akan diper-tanggungjawabkan. Pertanyaannya di sini, siapakah yang lebih ber-hak menjadi pemimpin, laki-laki atau perempuan? Laki-laki yang kuat, keras, dan hidup dengan akalnya, ataukah wanita yang lembut dan hidup dengan emosi, hati, dan perasaannya? Tidak diragui




bahawa tanggungjawab, beban, dan tugas ini diserahkan kepada laki-laki. Saudara, inilah perbezaan antara Islam dan peradaban Barat. Dalam masalah ini, wahai Akhi, Anda mene-mui bahawa Islam telah mengikuti hukum tabiat dan logik. Kepe-mimpinan di dalamnya berada di tangan laki-laki kerana ia lebih mampu melaksanakannya. Namun ini bukan bererti sikap semena-mena (berlaku tiba-tiba tanpa sebarang alasan) atau zalim. Di sini saya teringat tentang sebuah kisah unik tentang Sayidina Abdullah bin Abas ra. Nafi' pernah melihat beliau mencukur janggutnya yang panjangnya melebihi satu genggaman. Maka Nafi' menegurnya, "Takutlah kepada Allah, takutlah kepada Allah, wahai Ibnu Abbas. Sesungguhnya orang rela menunggang unta dari berbagai-bagai penjuru jazirah, datang kepadamu dan bertanya tentang gama dan Al-Qur'an, sedangkan engkau sendiri berbuat seperti itu." Ibnu Abbas menjawab, "Celaka kamu, wahai Nafi'. Sungguh, saya ini melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah, kerana itu saya berdandan untuk isteriku sebagaimana dia berdandan untukku." Nafi' berkata, "Kalau begitu, sebutkan kepa-daku alasannya dari Kitabullah." Beliau berkata, "Dan mereka (isteri-isteri) itu mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya, menurut cara yang ma'ruf."

Namun demikian kita juga mengetahui bahawa berlebihan dalam berhias itu juga dicela secara syar'i. Demikianlah, wahai Akhi, ketika Al-Qur'anul Karim menegaskan hak kepemimpinan laki-laki atas wanita, hal itu tidak bererti mengurangkan hak wanita, atau lebih mengutamakan laki-laki daripadanya. Hak ini semata-mata untuk meletakkan perkara sesuai dengan posisinya.

Al-Qur'anul Karim juga menetapkan bahawa penyaksian seorang wanita sama dengan separuh penyaksian laki-laki. "Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang lelaki di antaramu. Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang pe-rempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya." *(Al-Baqarah: 282)*

Dalam menetapkan hukum ini, wahai Akhi, Al-Qur'anul Karim telah menetapkan sesuai dengan komposisi dan karakteristik wanita yang hidup dengan emosi, hati, dan perasaannya yang halus, yang mudah terpengaruh oleh sikap kasar. Wanita itu lebih mudah tersentuh perasaannya dibandingkan dengan lelaki, dan lebih mudah lupa daripada laki-laki. Dalam pengadilan-pengadilan Barat, mereka mengatakan, bahawa orang-orang yang bersumpah, jika di antara mereka ada wanita, sedangkan kes yang terjadi itu sangat menyentuh perasaan, maka wanita-wanita yang bersumpah itu harus meninggalkan ruangan. Mereka kemudian duduk menangis lantaran syarat di dalam kes tersebut yang dikemukakan dan dimintakan keputusannya dari mereka. Tangisan ini bererti bahawa mereka telah mengeluarkan penilaian dengan nyata, meskipun prosedur perundang-undangan belum dilaksanakan secara lengkap.


Hassan Al-Banna bersama anggota Ikhwan Al-Muslimin

Wahai Akhi, mudah terpengaruh dan mudah lupa merupakan karakter yang nyata dan kudrat dari seorang wanita. Kerana itu, Allah Yang Maha Benar swt. menetapkan jaminan dalam penyaksian. "...supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya." *(Al-Baqarah: 282)*

Wahai Akhi, dari segi pelaksanaan, Anda menemui bahawa Al-Qur'anul Karim telah memerintahkan wanita untuk menahan pandangannya dan memerintahkan lelaki juga melakukan hal yang sama. "Katakan kepada kaum lelaki yang beriman, hendaklah mereka menahan sebahagian dari pandangan mereka dan menjaga kemaluan mereka. Demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kalian perbuat. Dan katakan kepada kaum wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan sebahagian dari pandangan mereka dan menjaga kemaluan mereka." *(An-Nur: 30-31)*




Jadi, Allah Yang Maha Benar swt. di samping berwasiat kepada kaum lelaki yang beriman dengan wasiat ini, juga berwasiat kepada kaum wanita yang beriman dengan wasiat yang sama. Namun, kerana wanita itu berposisi sebagai makhluk yang lemah lembut, merupakan salah satu objek kenikmatan lelaki, dan keindahan, maka Allah memerintahkannya agar mengenakan hijab. "Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali apa yang biasa nampak darinya. Hendaklah mereka melabuhkan tudung mereka ke dada mereka dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka atau bapa mereka, atau bapa suami mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak suami mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak-anak saudara mereka, atau anak-anak saudari mereka, atau wanita-wanita beriman, atau budak-budak yang mereka miliki, atau para pembantu laki-laki yang sudah tidak memiliki keinginan terhadap wanita atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita." *(An-Nur: 31)*

"*Sebagai ringkasan dari apa yang telah saya sampaikan dalam masalah ini, Ikhwan sekalian, saya hendak katakan bahawa Islam pada dasarnya telah menjadikan wanita setara dengan lelaki dalam asal-usul, keberadaan, dan hak-haknya secara umum.*"

Setelah itu, Al-Qur'an mengatakan, "Dan janganlah mereka memukul kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung." *(An-Nur: 31)*

Jadi, wahai Akhi, Islam telah memerintahkan kepada wanita untuk menutup perhiasannya kecuali di hadapan mereka yangmempunyai hubungan mahram, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ayat-ayat yang mulia dari kitab Allah itu.

KESIMPULAN

Prinsipnya, wahai Akhi, wanita dan lelaki itu saling memberikan ketenteraman, yang di sebaliknya terdapat hikmah dari Allah Yang Maha Benar, iaitu untuk melahirkan anak-anaknya dan agar memakmurkan dunia. Barangsiapa keluar dari tujuan ini, ia bererti telah melakukan kerosakan di bumi. Jadi, harus ada perincian hubungan antara wanita dan lelaki; siapakah yang diberi pembatasan, dan siapa pula yang diberi kebebasan. Pembatasan untuk pihak yang lemah lembut dan tidak mampu menanggung beban berat, sedangkan kebebasan diberikan kepada pihak yang kuat dan memiliki karakter tubuh yang mendukungnya menunaikan tugas perjuangan. Jadi, Islam tidak pernah menzalimi, tetapi melindungi kehormatan, kesucian, dan hak-hak wanita, seraya merangkai ketenteraman hubungan antara wanita dan lelaki.

Anda, wahai Akhi, tidak akan menemukan susunan apa pun yang sejak semula memberikan keluasan gerak bagi wanita, kecuali dalam syariah Islam. Anda tidak akan menemui hal itu, sekalipun dalam undang-undang Perancis yang tidak memberikan hak penuh kepada wanita untuk mengelola hartanya sendiri.

Islam datang dengan membawa keputusan ini: "Allah berwasiat kepada kalian tentang warisan anak-anak kalian, iaitu bahagian seorang anak laki-laki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan." *(An-Nisa[1]: 11)*

Hal itu, wahai Akhi, lantaran ada hikmah yang dalam, iaitu bahawa Allah swt. menjadikan wanita sebagai pihak yang disantuni dan diberi nafkah, sedangkan laki-laki dituntut untuk memberikan nafkah. Tetapi, kerana wanita masih mempunyai hubungan kekeluargaan, maka ia juga harus memperoleh warisan, demi mewujudkan keadilan yang sempurna. Kerana itulah ia masih mendapatkan separuh bahagian dari anak laki-laki.

Sebagai ringkasan dari apa yang telah saya sampaikan dalam masalah ini, Ikhwan sekalian, saya hendak katakan bahawa Islam pada dasarnya telah menjadikan wanita setara dengan lelaki dalam asal-usul, keberadaan, dan hak-haknya secara umum. Islam mengakui adanya hubungan timbal-balik antara wanita dengan lelaki. Kemudian Islam menetapkan kewajipan-kewajipan dan aturan-aturan yang wajib dilaksanakan oleh wanita di atas suatu asas yang menjaga kehormatan wanita, mengiringi karakter-karakter khusus yang dianugerahkan Allah kepada kaum wanita.





Kemudian Islam mendidiknya dengan pendidikan yang seutuhnya, dan menjadikan isteri-isteri Nabi sebagai teladan yang sempurna. "Wahai isteri-isteri Nabi, kalian tidaklah sama dengan wanita lain, jika kalian bertaqwa. Maka janganlah kalian lembut dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan ucapkanlah perkataan yang baik," *(Al-Ahzab: 32)*

Kemudian, Allah juga menyertakan isteri-isteri kaum mukminin pada umumnya beserta isteri-isteri Nabi. "Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, putri-putrimu, dan isteri-isteri kaum mukminin, hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka." *(Al-Ahzab: 59)*

Anda, wahai Akhi, menemui bahawa Allah Yang Maha Benar swt. telah menjadikan wanita sebagai perumpamaan bagi orang-orang beriman dan orang-orang kafir. "Allah membuat isteri Nuh dan isteri Luth sebagai perumpamaan bagi orang-orang kafir. Kedua-nya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang soleh di antara hamba-hamba Kami; lalu kedua isteri itu berkhianat kepada kedua suaminya, maka kedua suaminya tiada dapat membantu mereka sedikit pun dari (seksa) Allah; dan dikatakan (kepada keduanya), 'Masuklah ke neraka bersama orang-orang yang masuk neraka.' Dan Allah membuat isteri Fir'aun perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, ketika ia berkata, 'Wahai Tuhanku, bangunlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam surga dan selamatkanlah aku dari Fir'aun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim.'" *(AtTahrim: 10-11)*

Setelah ini, wahai Akhi, Anda menemui perpaduan yang indah: "Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki- laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan perempuan yang khusyu', laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang meme-lihara kehormatannya, serta laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar." *(AlAhzab: 35)*

Adalah kenyataan, wahai Akhi, bahawa Islam tidak pernah berbuat sia-sia dan zalim. Islam dan karakter manusia serta realiti kehidupan seiring sejalan, sebagaimana yang telah diciptakan oleh Tuhan manusia dan kehidupan ltu sendiri.

Semoga Allah senantiasa melimpahkan selawat dan salam kepa-da penghulu kita: Muhammad, segenap keluarga, dan sahabatnya.

Hassan Al Banna

> "Ikhwan sekalian, saya hendak katakan bahawa Islam pada dasarnya telah menjadikan wanita setara dengan lelaki dalam asal-usul, keberadaan, dan hak-haknya secara umum. Islam mengakui adanya hubungan timbal-balik antara wanita dengan lelaki."
>
> *-Hassan Al-Banna-*

- ***Mereka Yang Telah Pergi*** adalah Karya Al- Mustasyar Abdullah Al-Aqil berdasarkan pengalaman dan kajian beliau tentang tokoh-tokoh pembangun Islam.
- ***Hadith Tsulasa'*** adalah ceramah Imam Hassan Al-Banna di pusat Ikhwanul Muslimin di Kaherah pada setiap hari Selasa hasil nota karangan Ahmad Isa 'Asyur.